



PEMULIH NEWBIZ



- 6 bulan tempoh penangguhan bayaran balik (moratorium) dengan keuntungan 0%
- Kadar keuntungan serendah 3% atas baki bulanan selepas tempoh moratorium
- Pembiayaan sehingga RM10,000.00
- Tempoh Pembiayaan sehingga 5 tahun
- Tiada cagaran diperlukan

Pengenalan Program

Program pembiayaan yang ditawarkan kepada individu (yang terkesan dengan dengan ekonomi semasa) bagi tujuan memulakan perniagaan mikro berasaskan makanan. Kemudahan pembiayaan ini melibatkan pembelian aset tetap dan modal pusingan kepada aktiviti perniagaan yang ditetapkan seperti berikut ;

- Pengedaran dan penghantaran makanan melalui platform *e-hailing* seperti Food Panda, Grab Food dan seumpama dengannya;
- Menjalankan aktiviti perniagaan secara *home-based* yang melibatkan aktiviti seperti berikut;
 - a) Pengedaran dan penghantaran makanan termasuk pembelian bahan mentah, mesin dan pembelian motorsikal yang bersesuaian dengan keperluan aktiviti tersebut.
 - b) Pemprosesan dan penyediaan makanan atau bahan asas bagi menyediakan makanan sebelum dihantar ke tapak atau mana-mana premis perniagaan yang dibenarkan.
 - c) Menjalankan aktiviti perniagaan di gerai yang berlesen seperti gerai burger atau mana-mana yang seumpama dengannya.

Kelayakan

- Warganegara Malaysia;
- Berumur di antara 18 tahun (semasa permohonan) sehingga 70 tahun (semasa tamat tempoh kemudahan pembiayaan);
- Individu yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dan kegawatan ekonomi semasa sepertimana berikut :
 - a) Individu yang hilang pekerjaan bermula Mac 2020.
 - b) Graduan universiti atau kolej yang telah menamatkan pengajian dan masih manganggur atau belum memperolehi pekerjaan yang stabil pada tarikh permohonan dibuat;
 - c) Individu yang dikategorikan sebagai golongan asnaf.

Had Pembiayaan

Secara pembiayaan berperingkat (*Step up financing*) seperti berikut :

- Peringkat Pertama : sehingga RM5,000.00
- Peringkat Kedua : Sehingga RM10,000.00 (mengambil kira baki kemudahan pembiayaan pada peringkat pertama) selepas tempoh 12 bulan dari tarikh kemudahan pembiayaan peringkat pertama dikeluarkan
- Selepas 12 bulan dari tarikh pengeluaran kemudahan pembiayaan peringkat kedua, pelanggan layak untuk memperolehi mana-mana kemudahan pembiayaan berdasarkan kriteria kelayakan yang ditetapkan.
- Bagi pembiayaan peringkat kedua, terma dan kredit adalah dirujuk kepada PEMULIH Mikro Kredit.

Kadar Keuntungan

- 0% dalam tempoh enam (6) bulan pertama (iaitu dalam tempoh moratorium) dan bulan ke-7 dan seterusnya kadar keuntungan dikenakan pada kadar 3% setahun;
- Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan baki bulanan.

Tempoh Moratorium

- Sehingga 60 bulan termasuk enam (6) bulan tempoh moratorium.
- Moratorium hanya layak bagi kemudahan pembiayaan peringkat pertama sahaja.
- Tempoh minimum pembiayaan adalah 12 bulan termasuk tempoh moratorium.

Leboh Pasar Besar, 50726,
Kuala Lumpur Malaysia
Tel: +603 2731 1600
Faks: +603 2691 7790

E-mel:

customer@agrobank.com.my

• Produk serta maklumat-maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran maklumat produk ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat produk tersebut serta sebarang perubahan ke atas terma dan syarat tersebut dari semasa ke semasa.